



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PENYENGARAAN JALAN PERSEKUTUAN BAKUN FT803

BINTULU, SARAWAK – Keselesaan dan keselamatan pengguna bagi Jalan Simpang Bakun ke Empangan Bakun FT803 sepanjang 128.46 kilometer(km) terus mendapat perhatian Kementerian Kerja Raya dan Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi yang telah melakukan tinjauan turun padang keadaan semasa laluan tersebut.

Kementerian ini telah melaksanakan **penyenggaraan rutin** bagi Jalan Persekutuan ini dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM 4 juta** setahun. Manakala sebanyak RM **17.8** juta telah diperuntukkan untuk **kerja-kerja berkala pavemen dan berkala bukan pavemen** dari tahun 2018 hingga 2023 bagi laluan ini.

Beberapa tindakan segera telah diambil oleh konsesi Jalan Persekutuan sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek bagi menangani masalah jalan berlubang iaitu dengan melaksanakan penampalan jalan di bawah kerja-kerja Penyenggaraan Rutin. Bagi tempoh **Januari hingga Mei 2023**, sebanyak **762** kerja tampalan *potholes* telah dilaksanakan di laluan tersebut.

Kerja pembaikan turapan jalan yang rosak teruk berpuncak daripada kelemahan struktur pavemen juga telah dilaksanakan, dan pada tahun 2023, sebanyak tiga Arahan Kerja (AK) berjumlah **RM 6 juta** telah dikeluarkan. KKR juga turut memperkenalkan kaedah *Cold-in Place Recycling* (CIPR) dalam kerja pembaikan turapan jalan ini, bagi menambah kekuatan struktur jalan dan meningkatkan hayat turapan jalan.

Terdapat beberapa cabaran dalam usaha menyenggara Jalan Simpang Bakun ke Empangan Bakun ini dan ia memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Antara punca kerosakan ini berlaku adalah kenderaan lebih muatan yang kerap menggunakan laluan ini dan memerlukan penguatkuasaan dilaksanakan bagi mengatasinya. Disamping itu, terdapat juga masalah ketidakcukupan bekalan premix *hot mix* dan sebagai penyelesaian langkah segera, pihak JKR telah mengarahkan pihak syarikat konsesi agar tampalan dibuat menggunakan *cold mix* serta menambah jentera untuk mengatasi masalah kelewatan tampalan.

Selain itu, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak juga menghadapi kesukaran bagi memastikan tampalan yang telah dilaksanakan mampu bertahan oleh kerana usia jalan yang telah luput (ageing). Bagi mengatasi masalah ini, KKR sedang menunggu kelulusan peruntukan

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) 📩 [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 📱 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📱 KKR\_MALAYSIA 📱 @MOWORKS 📱 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

bagi Projek Menaiktaraf dan Pemulihan (Rehabilitation) Jalan Bakun yang dimohon dalam *Rolling Plan 4*, RMKe-12 (Tahun 2024). Skop utama projek ini ialah menaiktaraf jalan tunggal dua lorong dua hala sepanjang 128.46km dengan piawai R3 JKR.

Kementerian Kerja Raya melalui Agensi Teknikal iaitu JKR Sarawak sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan jalan persekutuan di Bahagian Bintulu di Sarawak sepanjang 194.46 km berada dalam keadaan selamat dan selesa melalui penyenggaraan secara berkala.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**7 JULAI 2023**

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

✉ [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 📱 [KKR\\_MALAYSIA](#) 📱 [@MOWORKS](#) 📱 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur